

MAJLIS PENUTUP SUKAN BONE OF CONTENTION PANGKALAN UDARA SUBANG 2018

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4135-majlis-penutup-sukan-bone-of-contention-pangkalan-udara-subang-2018

SUBANG, 16 Nov 18 – Majlis Penutup Sukan Bone of Contention (BOC) Pangkalan Udara Subang 2018 telah dilaksanakan bagi menandakan pertandingan BOC di antara Wisma Perwira, Wisma Bintara dan Wisma Ahli Udara pangkalan ini yang telah berlangsung dari 9 Nov 18 hingga 16 Nov 18 telah selesai bagi tahun ini. Pelbagai acara telah dipertandingkan pada kali ini dan keputusan pertandingan memihak kepada Wisma Bintara yang telah mendominasi hampir semua acara yang dipertandingkan.

Majlis penutup dan makan malam ini telah bermula dengan perarakan masuk wakil ahli ketiga-tiga wisma ke hadapan Wisma Bintara yang telah diiringi oleh paluan kompong dari Pasukan Kompong PU Subang dan disusuli dengan persembahan silat serta gimik 'semburan api' oleh ahli Wisma Bintara.

Komander Pangkalan, YBhg Brig Jen Dato' Hj Muhammad Mudzamir Ong bin Abdullah TUDM dalam ucapannya mengharapkan agar program seperti ini dapat diteruskan untuk mengeratkan lagi silaturrahim serta semangat kesukunan di antara wisma.



